

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

## LAPORAN LIPUTAN MEDIA

**27 JANUARI 2021**

1. Perkongsian aset, kakitangan awam
2. Kakitangan boleh diarah bertugas di jabatan lain
3. Perkongsian penjawat awam bantu kawal pandemik
4. MAQIS rampas lebih 61 tan ayam beku RM495,608
5. 60 peratus syarikat Bumiputera pegang AP daging
6. 360 kali pagar lebuh raya dirosakkan
7. 60 peratus bumiputera pegang AP
8. Ayam tidak halal?
9. 60% pemegang AP daripada syarikat milik bumiputera
10. MAQIS patah cubaan
11. Serving Malaysians altruistically

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**



# Perkongsian aset, kakitangan awam

Bagi membantu agensi yang memerlukan perkhidmatan mendesak untuk mengawal penularan COVID-19, kerajaan bersetuju melaksanakan mobilisasi sumber perkhidmatan awam Persekutuan dan negeri, khususnya bagi perkhidmatan sokongan kesihatan dan keselamatan. Penajaran sementara kakitangan awam ke tempat yang memerlukan perkhidmatan tambahan serta perkongsian aset itu antara fokus utama dibincangkan Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat dan dipersetujui Sidang Darurat Majlis Keselamatan Negara. **Muka 2, 3**

# Kakitangan boleh diarah bertugas di jabatan lain

**Kuala Lumpur:** Mobilisasi perkhidmatan awam dan aset membolehkan mana-mana penjawat awam diberi penugasan semula secara sementara mengikut Seksyen 4, Ordinan Darurat bagi membantu menangani COVID-19.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman, berkata mengikut Seksyen 4 itu, kerajaan boleh mengarahkan penjawat awam untuk ditugaskan semula secara sementara ke kementerian, jabatan atau lokaliti yang memerlukan sumber tenaga tambahan.

“Apabila ada darurat untuk menangani COVID-19 ini, kita akan menggerakkan secara sementara penjawat awam yang diperlukan di mana-mana juga tanpa perlu ada pengisian jawatan baharu, ia seperti penggunaan kakitangan ketika pilihan raya umum, lima tahun sekali.

“Mereka ini akan diberi penugasan semula secara sementara, kalau diperlukan sebulan, sebulanlah.

“Contohnya, kakitangan di kementerian yang mungkin ketika darurat, intensiti aktiviti kementerian itu kurang, kita akan arahkan mereka untuk membantu di kementerian atau jabatan yang lebih mendesak atau memerlukannya,” katanya ketika dihubungi BH, di sini semalam.

Katanya, kakitangan yang akan dihantar akan dibuat padanan dan kesesuaian tugas yang diperlukan.

# Perkongsian penjawat awam bantu kawal pandemik

Mobilisasi tenaga kerja ke agensi perlukan khidmat mendesak

Oleh Suzalina Halid,  
Mohd Nasaruddin Parzi  
dan Suhael Adnan  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan bersetuju melaksanakan mobilisasi sumber perkhidmatan awam Persekutuan dan negeri bagi membantu agensi yang memerlukan perkhidmatan mendesak untuk mengawal penularan COVID-19.

Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata langkah itu termasuk penajaran sementara kakinangan awam ke tempat yang memerlukan perkhidmatan tambahan, terutama bagi perkhidmatan sokongan kesihatan dan keselamatan.

Beliau berkata perkara itu antara fokus utama yang dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat dan telah dipersejui oleh Sidang Darurat Majlis Keselamatan Negara.

Selain itu katanya, aset kerajaan kurang optimum penggunaannya seperti kenderaan jabatan boleh dikongsi untuk menyokong kelancaran operasi perkhidma-

tan kritis agar lebih bersepadau dan terselaras.

"Bangunan dan fasiliti kerajaan yang bersesuaian akan dienal pasti di seluruh negara bagi tujuan pusat pengambilan ujian calitan dan Jabatan Perkhidmatan Awam bertanggungjawab menyelaras perkara ini bersama Kementerian Kesihatan (KKM) dan kementerian, jabatan, agensi lain terbabit," katanya dalam saatu kenyataan, semalam.

Selain itu, beliau yang mempergerusikan jawatankuasa berkenaan berkata, integrasi keupayaan perkhidmatan hospital awam dan swasta juga dipertingkat bagi memastikan koordinasi yang sistematis supaya jaminan akses kesihatan menyeluruh dan bersepadau dapat dilaksana bagi pesakit COVID-19 serta bukan COVID-19.

Katanya, ia juga bagi mengop-

timumkan sumber kesihatan dan keparakan yang ada untuk tujuan perawatan pesakit sekutu pandemik COVID-19.

"Pengoperasian hospital awam termasuk Hospital Universiti, Hospital Angkatan Tentera dan hospital swasta akan diletakkan secara hibrid berdasarkan konsep hospital kluster di bawah Pusat Kawalan COVID-19 Bersepadau.

"(Selain) mengoptimalkan kapasiti makmal sedia ada terutamanya di jabatan kerajaan dan Universiti Awam (UA) bagi tujuan pengujian serta pengesanan COVID-19 secara berskala besar," katanya.

Mohd Zuki berkata, mobilisasi sumber lain perubatan seperti peralatan, pakaian pelindung diri (PPE), ubat-ubatan adalah mengikut keperluan hospital, terutamanya bagi perkhidmatan kesihatan umum termasuk mobili-

sasi anggota perubatan seperti jururawat dari hospital swasta khususnya yang mempunyai keparakan tertentu untuk bertugas sementara di hospital awam.

"Mekanisme pembayaran pesakit COVID-19 oleh pihak insurans di hospital swasta sedang diperhalusi oleh Kementerian Kewangan (MOF), KKM, Bank Negara Malaysia (BNM) dan industri insurans.

"Buat masa ini, peranan sektor swasta diperkisasakan bagi merawat pesakit COVID-19 yang mampu membayar sendiri kos perubatan dan rawatan," katanya.

Pada masa sama, katanya, Kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN), Kem Bina Negara dan fasiliti lain yang bersesuaian dijadikan fasiliti serta depot tahanan sementara bagi menjamin penjarakan fizikal banduan dan tahanan.

Katanya, kem yang akan digunakan Jabatan Penjara, Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dikendalikan secara sewaan.

Katanya, banduan dan tahanan yang akan diempatkan di kem berkenaan adalah mereka yang sedang menjalani hukuman bagi kesalahan ringan.

"Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan bekerjasama dengan agensi keselamatan seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), PDRM dan Jabatan Sukarelawan (RELA) untuk diempatkan sementara bagi menjamin keselamatan yang ketat," katanya.

## KSN jalani kuarantin kendiri

**Putrajaya:** Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali sedang menjalani kuarantin kendiri di kediamannya sehingga Ahad ini selepas menjadi kontak rapat individu yang disahkan positif COVID-19 pada 22 Januari lalu.

Mohd Zuki yang mengesahkan perkara itu dalam Facebook semalam, memaklumkan kuarantin kendiri itu dilakukan atas nasihat Kementerian

Kesihatan (KKM), namun memberi jaminan ia tidak akan mengganggu urusan pentadbiran perkhidmatan awam.

"Saya akan terus melaksanakan amanah ini dengan bekerja dari rumah bagi mesyuarat yang dipengerusikan atau dihadiri saya. Sidang media Pengurusan Darurat yang sepertutnya diadakan pada petang ini (semalam) terpaksa dibatalkan," katanya.

# MAQIS rampas lebih 61 tan ayam beku RM495,608

Produk Thailand dipercayai dibawa dari pusat penyembelihan tidak diiktiraf

Oleh Noorazura Abdul Rahman  
bhnews@bh.com.my

**Alor Setar:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas lebih 61 tan ayam sejuk beku dianggar bernilai RM495,608 yang cuba diseludup dari Thailand ke negara ini Ahad lalu.

Dalam kejadian kira-kira jam 4 petang itu, lori bawa ayam yang dipotong kepada 5,161 bahagian itu ditahan dalam pemeriksaan di Kompleks Imigresen, Kastam Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam.

Pengarah MAQIS Kedah, Lily Rosalind Paul, berkata pemeriksaan mendapati keratan ayam itu cuba dibawa masuk tanpa mematuhi syarat import dan diperdayai dibawa dari pusat penyem-



Sebahagian keratan ayam sejuk beku dari Thailand yang dirampas MAQIS.

(Foto ihsan MAQIS)

belian tidak diiktiraf serta meragukan.

“Kegagalan mengemukakan maklumat berkenaan adalah kesalahan mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

“Jika sabit kesalahan boleh denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Sementara itu, pada kira-kira

 **Pemeriksaan mendapati keratan ayam itu cuba dibawa masuk tanpa mematuhi syarat import.**

**Lily Rosalind Paul,**  
Pengarah MAQIS Kedah

jam 6 petang di lokasi sama, MAQIS turut merampas 191 botol benih cendawan dan sembilan bungkus sosej dianggarkan bernilai RM854 selepas lori yang ditahan gagal mengemukakan permit import sah.

Lily berkata, MAQIS tidak akan memandang mudah perkara ini dan sentiasa komited memastikan keluaran pertanian diimport bebas daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar bagi memastikan sektor pertanian negara tidak terjejas.

# 60 peratus syarikat Bumiputera pemegang AP daging

**Kuala Langat:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mengesahkan 60 peratus pemegang permit import (AP) daging di negara ini adalah dalam kangan syarikat Bumiputera.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata peratusan yang diperoleh itu adalah berdasarkan rekod daripada kementerian terbabit.

"Saya tidak tahu (dakwaan pengimport Bumiputera dinafikan hak), tetapi dalam rekod kita (kementerian), lebih 60 peratus pengimport yang diberi kebenaran setakat ini adalah syarikat Bumiputera.

"Tetapi dari segi jumlah, kita tidak dapat tentukan sebab itu urusan *business to business*, contohnya, berapa banyak boleh import bergantung kepada kapasiti.

"Seperti Kumpulan Ramly (Ramly) atau popular dengan nama Ramly Burger dan Darabif Meat Company adalah pengimport Bumiputera yang ke hadapan dari segi kuantiti dan mam-

pu bersaing dengan syarikat bukan Bumiputera," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas dakwaan pengimport daging Bumiputera dinafikan hak dan peluang dalam industri itu sejak sekian lama. Industri bernilai berbilion ringgit berkenaan juga didakwa dimonopoli dan dikawal beberapa pengimport bukan Bumiputera.

Industri berkenaan juga dikaitkan dengan kegiatan kartel yang didakwa menyeludup masuk daging sejuk beku diragui status halal dan kualitinya dari luar negara sebelum membungkusnya semula dengan menggunakan logo halal dan menjualnya di pasaran seluruh Malaysia.

BH sebelum ini melaporkan, Presiden Persatuan Pengimport Daging Halal Muslim Malaysia, Datuk Dr Mohd Noor Ali Akbar mendakwa kartel daging import bukan sahaja dipercayai menyeludup masuk bekalan tidak sah ke negara ini, malah turut menganiaya syarikat pengimport lain,

## Kartel daging import buli, sabotaj syarikat Bumiputera

**Ali page**  
Pengimport Melayu Bumiputera pun menyatakan perlu ditindaklanjuti dengan serius.



Keratan akhbar BH, Ahad lalu.

khususnya Bumiputera yang menjalankan perniagaan sama.

Difahamkan, kartel yang mengawal pasaran dan bekalan seinggajaya 'mensabotaj' perniagaan pengimport lain, terutama peniaga baharu dengan bermain harga, bertujuan memastikan syarikat Bumiputera kerugian tidak dapat bersaing, sekali gus 'guling tikar'.

Modus operandi mereka dengan menurunkan harga daging import ketika bekalan itu dalam perjalanan dari negara sumber ke pelabuhan di Malaysia.


Setakat 4 Januari lalu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan lapan

suspek dan memanggil 27 saksi bagi menyiasat kes berkenaan.

Terdahulu, Ronald melawat Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat di sini, semalam.

Beliau berkata, kementerian itu akan mengeluarkan kuota import berdasarkan kapasiti perniagaan seseorang pengimport.

Dalam pada itu, beliau berkata, sehingga kini belum ada mana-mana syarikat disenaraihatam, namun ada beberapa syarikat kini dalam siasatan polis, SPMR dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).



Haiwan ternakan sengaja dilepaskan untuk meragut rumput Vetiver di tepi LPT2

## 360 kali pagar lebuh raya dirosakkan

Oleh NIK NUR IZZATUL  
HAZWANI NIK ADNAN

**KEMAMAN** – Insiden haiwan ternakan menceroboh kawasan Lebu Raya Pantai Timur 2 (LPT2) bukan hanya membahayakan pemandu kenderaan, malah menyebabkan kerugian jutaan ringgit kepada syarikat pengendali itu.

Ketua Perhubungan Korporat, Komuniti dan Awam Plus Malaysia Berhad (Plus), Syed Mohammed Idid Syed Ahmed Idid berkata, lebih 360 kes pencerobohan melibatkan kerosakan pagar lebuh raya direkodkan sejak tahun 2019 hingga semalam.

Katanya, kesemua perbuatan vandalisme itu telah diaduak oleh LPT2 Sdn. Bhd., sebagai syarikat konsesi lebuhraya kepada pihak polis untuk tindakan selanjutnya.

Beliau berkata, kebanyakan perbuatan memotong pagar dilakukan individu tidak bertanggungjawab bagi membolehkan haiwan ternakan mereka memakan rumput di kawasan lebuhraya selain dijadikan sebagai jalur pintas.

"Sepanjang 177 kilometer (km) pagar yang dirosak dan dicuri di sepanjang LPT2 terpaksa diganti sejak tahun 2016 melibatkan kos lebih RM5 juta.


"Begitupun, masih wujud kejadian pencerobohan sehingga pagar-pagar yang baharu diganti itu turut dirosakkan dan dicuri oleh pihak tidak bertanggungjawab," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

LPT2 yang merentangi jajaran sepanjang 184 kilometer itu bermula dari Jabor, Kemaman hingga ke Gemuroh di Kuala Nerus.

*Kosmo!* kelmarin melaporkan kemalangan disebabkan haiwan ternakan seperti lembu dan kerbau semakin menjadi-jadi di LPT2 termasuk melibatkan dua kereta yang merempuh sembilan ekor lembu di KM 2911 berhampiran Kijal di sini pada Jumat lalu.

Dalam pada itu, Syed Mohammed Idid berkata, LPT2 juga telah mengambil pendekatan menukar warna pagar daripada hijau kepada jingga bagi memudahkan pengesahan sekiranya berlaku kes kecurian dan kerosakan.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, semua cabaran itu tidak menjejaskan komitmen LPT2 un-



PAGAR di Kilometer 291.6 LPT2 yang telah diganti dengan warna jingga selain dilengkapi perangkap jerji bagi mengelak dari diceroboh.



SALAH satu kerosakan yang berlaku di sepanjang lebuhraya LPT2 akibat tindakan pihak tidak bertanggungjawab.



KERATAN *Kosmo!* kelmarin.



Mula dibina pada 2004 dan dibuka secara berperingkat bermula 2011

- Sepanjang 184 kilometer bermula dari Jabor, Kemaman hingga Kampung Gemuroh, Kuala Nerus

- Terdapat 10 plaza tol di sepanjang jajaran LPT2 iaitu Plaza Tol Cheneh, Plaza Tol Chukai, Plaza Tol Kijal, Plaza Tol Kerteh, Plaza Tol Pakai, Plaza Tol Kuala Dungun, Plaza Tol Bukit Besi, Plaza Tol Ajil, Plaza Tol Telemong dan Plaza Tol Kuala Terengganu

- Merupakan lebuhraya empat lorong dua hala, dilengkapi dengan kemudahan 10 persimpangan bertingkat, tiga kawasan rehat dan rawat serta dua hentian sebelah

tuk terus mengurangkan kadar kemalangan berpunca daripada haiwan ternakan.

"Hasil kerjasama pelbagai pihak, kadar kemalangan disebabkan haiwan ternakan di LPT2 menurun sebanyak 12 peratus pada tahun lalu.

"Antara inisiatif diambil ialah mengadakan operasi menangkap dan menghalau haiwan ternakan yang masuk lebuhraya secara berkala sejak tahun 2019," katanya.

Syed Mohammed Idid menjelaskan, operasi dilaksanakan di kawasan kerap dicerobohi dengan kerjasama pihak polis, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, pihak berkusa tempatan.

Tambah beliau, LPT2 juga mendekati penduduk dan peternak untuk mengadakan program advokasi dengan kerjasama pengurusan masjid dan surau kawasan sasaran.

"Bagi kemudahan pergerakan haiwan ternakan milik peternak, kita telah membangi pagar penyelenggaraan. Ia dilengkapi perangkap jerji khas bagi menghalang binatang tersebut daripada memasuki kawasan lebuhraya.

"Begitupun, kami amat memerlukan kerjasama daripada komuniti setempat bagi memastikan kes kemalangan disebabkan haiwan ternakan tidak berulang pada masa hadapan," katanya.

Sehubungan itu, Syed Mohammed Idid menggesa penduduk terutama pemilik dan peternak haiwan yang tinggal di sepanjang jajaran LPT2 agar tidak lagi merosakkan pagar bagi membolehkan haiwan ternakan masing-masing memasuki lebuhraya.

Katanya, tindakan itu merupakan satu kesalahan dan boleh mengancam keselamatan pengguna LPT2.

Dihadamkan, ada segelintir peternak dipercayai sengaja melepaskan haiwan ternakan mereka untuk memasuki ke kawasan LPT2 bagi meragut rumput Vetiver yang ditanam di tepi lebuhraya berkenaan.

Rumput variaeti itu bukan sahaja berkualiti tinggi malah mampu tumbuh memanjang sehingga 2.5 meter.

Pada asalnya, rumput Vetiver yang berasal dari India ditanam syarikat konsesi lebuhraya bagi tujuan mengawal hakisan.

Akar rumput tersebut yang mencapai empat meter mampu mencengkam tanah peroi di kawasan lebuhraya yang tebing dengan sangat kuat.

Tiada pemegang AP disenarai hitam berhubung kes kartel daging

## 60 peratus bumiputera pegang AP

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

KUALA LANGAT - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyangkal dakwaan pengimpor daging bumiputera dinafikan hak sebaliknya 60 peratus pemegang permit import (AP) terdiri daripada golongan tersebut.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee berkata, ini termasuk syarikat Darabif Meat dan Ramly Food Processing Sdn. Bhd. yang merupakan antara pemegang AP bumiputera yang menonjol dari segi kuantiti dan daya saing mereka.

Berdasarkan rekod MAFI mendapat 60 peratus pemegang AP adalah dalam kalangan Melayu Bumiputera namun dari segi volume (jumlah) tidak boleh ditentukan berikutkan urusan perniagaan masing-masing.

"MAFI mengeluarkan kuota import bergantung kepada kapasiti perniagaan," katanya selepas membuat lawatan kerja di Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat di sini semalam.

Beliau bagaimanapun, tidak menyatakan secara lanjut jumlah

pemegang AP daging di negara ini.

Akbar tempatan sebelum ini melaporkan bekas Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman yang mendekahkan pengimpor daging bumiputera dinafikan hak dan peluang dalam industri itu dengan 10 peratus sahaja pengimpor daripada kumpulan itu di negara ini.

Dalam perkembangan berlainan, Ronald memberitahu, tiada pemegang AP disenarai hitam setakat ini susulan kes kartel daging, namun terdapat daripadanya kini disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Selagi tiada bukti pelanggaran syarat AP yang ditetapkan kerajaan, penyenaraian hitam itu tidak berbangkit dengan kita masih menunggu hasil siasatan daripada agensi terbabit sebelum mengambil sebarang tindakan tegas.

"Kita juga sedang memantau berhubung pengimportan halal dan pematuhan syarat agar dilukti pemegang AP ini," katanya.



SEBANYAK 60 peratus pemegang AP daging import sejak beku di negara ini terdiri daripada golongan bumiputera. - GAMBAR HIASAN

DIBAWA MASUK DARI NEGARA JIRAN

# AYAM TIDAK HALAL?

Belum reda isu kartel daging sejuk beku. sempadan negara sekali lagi cuba dibolosi selepas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) berjaya menggagalkan cubaan membawa masuk lebih 61 tan daging ayam sejuk beku dari Thailand yang diragui status halalnya berikutan tidak mematuhi syarat import. Rampasan di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan Malaysia (IKQS), Bukit Kayu Hitam, Kedah itu dibuat selepas siasatan awal mendapati ia dipercayai datang dari pusat penyembelihan yang tidak diiktiraf dan meragukan. lapor Zuliaty Zulkiffli



SEBAHAGIAN daripada ayam sejuk beku bernilai RM495,608 dari Thailand yang dirampas Maqis.

# MAQIS PATAH CUBAAN

*Rampas 61.9 tan ayam sejuk beku dari Thailand diragui status halal*

Oleh Zuliaty Zulkifli  
am@hmetro.com.my

## Bukit Kayu Hitam

Cubaan penyeludup membawa masuk 5,161 kotak ayam sejuk beku seberat 61.9 tan dari Thailand yang diragui status halalnya digagalkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), Ahad lalu.

Semua ayam sejuk beku bernilai RM495,608 itu dirampas dalam pemeriksaan di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan Malaysia (JCQS) di sini, pada jam 4 petang.

Pengarah Maqis Kedah, Lily Rosalind Paul berkata, daging ayam sejuk beku itu dibawa masuk tanpa mematuhi syarat import apabila ia diperctayai dari pusat penyembelihan yang tidak diiktiraf dan meragukan.

Beliau berkata, kegagalan untuk mengemukakan maklumat berkenaan menjadi suatu kesalahan mengikut Seksyen 15(1), Akta



Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali mengikut Seksyen 15(2) Akta yang sama.

"Maqis tidak akan leka dan memandang mudah terhadap perkara ini serta

akan terus komited dalam memastikan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma dan makanan yang diimport bebas daripada ancaman



Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau keduanya sekali mengikut Seksyen 15(2) Akta yang sama"

Lily Rosalind

perosak, penyakit dan bahan cemar.

"Ia juga bagi tidak menjelaskan sektor pertanian negara serta mematuhi aspek kesihatan manusia, binatang, tumbuhan, ikan dan keselamatan makanan," katanya.



AYAM sejuk beku yang diragui status halal.



RONALD Kiandee (tiga dari kiri) menunjukkan hasil tuaian cili merah ketika lawatan kerja ke PPHP PPK Kuala Langat, semalam.

## 60% pemegang AP daripada syarikat milik Bumiputera

**Kuala Langat:** Sebanyak 60 peratus daripada jumlah keseluruhan pemegang permit import (AP) daging terdiri daripada syarikat dimiliki oleh golongan Bumiputera.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (Mafi), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee mengulas dakwaan pengimpor Bumiputera dinafikan hak dan industri ini dimonopoli bukan Bumiputera.

“Saya tidak tahu (mengenai dakwaan itu) tetapi dalam rekod di kementerian, lebih 60 peratus pengimpor diberi kebenaran setakat ini adalah dalam kalangan Bumiputera.

“Tetapi dari segi jumlah itu, kita tidak dapat tentukan sebab itu urusan *business to business*. Contohnya berapa banyak boleh import bergantung kepada kapasiti, seperti Ramly Burger, Darabif Meat Company ia adalah pengimpor Bumiputera yang ke hadapan dari segi kuantiti dan mampu bersaing dengan bukan Bumiputera.

“Jadi, Mafi akan keluarkan kuota import, Mafi keluarkan kuota import berdasarkan kepada kapasiti perniagaan seseorang pengimpor,” katanya dalam sidang media ketika melawat Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat di sini, semalam.

Lawatan itu bertujuan melihat sendiri operasi pusat itu yang berperanan membantu memasarkan hasil-hasil pertanian ahli terbabit.

Dalam pada itu katanya, sehingga kini belum ada mana-mana syarikat disenarai hitam namun terdapat beberapa syarikat kini dalam siasatan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

“Kita hanya bertindak ke atas pemegang AP yang melanggar syarat. Selagi tidak bukti pembahagian AP langgar syarat permit import diberikan kepada mereka, soal untuk senarai hitam tidak berbangkit.

“Kita lihat dan tunggu siasatan yang dibuat agensi penyiasat lain dan jika ada pembabitan dari segi pelanggaran syarat yang ditetapkan oleh kementerian, sudah tentu tindakan tegas akan diambil ke atas mereka.

“Belum ada disenarai hitam tetapi sedang disiasat. Setakat ini dr segi pengimportan halal, haram dan pematuhan syarat-syarat, ia sedang dipantau. Ia dipatuhi oleh pemegang AP. Ada isu lain seperti kastam, perlabelan, itu adalah penyiasatan oleh agensi penyiasat lain,” katanya.

CIVIL SERVICE

# SERVING MALAYSIANS ALTRUISTICALLY

Transforming the public sector requires us to interact and react in parallel with others

**F**OR more than half a century, the Malaysian public sector has gone through an incredible transformative process and stands among one of the best in this region.

The policies and strategies were shaped and refined according to the changing times and demands of the people so that services rendered are fulfilling and up to mark.

All this was made possible by having a visionary and people-centric leader, who ensures that our civil servants serve in the best interests of Malaysians.

Lately, however, many in our society have expressed their concerns and have different perspectives on the Malaysian civil service. Some are placing high re-



DATUK DR  
KAMARUDIN  
MIN

gard and recognised the contributions and sacrifices made by civil servants. A fraction of them interpreted reversely and portrayed a distorted form of civil service on various platforms.

One has to realise that the dynamism of the world and speed of

globalisation dictates that we can no longer function in isolation, but rather interact and react in parallel with others. For this, the government of the day needs to ensure adequate allocations each year for its machinery to ensure that the people's benefits are not compromised.

One clear example is our present battle against the Covid-19 pandemic. A number of stimulus packages were injected at various

segments of society for socio-economic sustainability. Benefits also extended to the frontliners, who sacrificed and risked their lives to safeguard our people.

In this context, for the public sector to serve efficiently, it segmentises its services into many categories covering teaching profession, uniform bodies, security forces and health sector that take up two thirds of the 1.6 million total employees.

Only the remainder directly serve the federal and state departments with the ratio of 1:20 of public servants with total population. Therefore, the argument that we are bloated or overstaffed is not true.

An organisation that employs a huge labour force irrespective of whether in developed or developing countries, private or public sector, will not be totally free of any form of criminal involvement by their employees. As we are dealing with humans, their tendencies in committing wrongdoings are unavoidable.

Taking cognisance of this fact, the present leadership of the public sector helmed by both the Chief Secretary to the Govern-

ment and Public Service Department director-general are spearheading a host of affirmative measures to ensure that civil servants invariably demonstrate a high level of civility and professionalism.

One such instrument is the General Order that binds and drives the civil servants. Further, legal documents like the Whistleblower Protection Act gives protection to informants. Graft busters are also given sufficient power to act on free will without fear or favour as we have seen in the string of cases lately.

The message is vivid that civil servants cannot escape the long arm of the law. The improvements are indicated in the 2019 Corruption Perception Index where we galloped to rank 51 from 61 in 2018 out of 180 countries.

In another spectrum, the government opens up more opportunities for the younger generation from various backgrounds and ethnicities to join the public sector and contribute their expertise to enliven this sector.

The expansion of digitalisation effort at almost every level of the

government sector is proven testimony that the public sector is in alert mode and heading towards betterment.

In one way or another, the present pandemic has broken the shackles and comfort zones of our civil servants. Many things have been altered. Even the conduct of certain non-essential services are delivered through the work-from-home mechanism in order to provide a balanced, healthy lifestyle.

Issues of integrity, corruption and any form of wrongdoings are the daily mantra and repeated time and again to all civil servants from various directives and orders. The Public Service Department director-general is stern and constantly monitors this matter.

Essentially, the ongoing transformative effort undertaken by the Malaysian public sector is to serve the public at large altruistically, effectively and to enhance a good image globally.

**kamarudin.min@intankbk.intan.my**

The writer is director, National Institute of Public Administration